

# Garisan putih petanda bala

Metro 3/3/13 MS 34

## Tsunami pada 26 Disember 2004 ragut 11 nyawa di Kuala Muda termasuk bayi 11 bulan



**FAIL  
METRO**

Oleh **OMAR OSMAN**  
metahad@hmetro.com.my

Tiada siapa menyangka kemunculan garisan putih memanjang dari Batu Feringhi, Pulau Pinang ke Pulau Bidan, Yan secara tiba-tiba di tengah laut kira-kira jam 1 tengah hari 26 Disember 2004, sebenarnya membawa malapetaka buruk atau tragedi tsunami dalam lipatan sejarah negara.

Ini berikutan garisan putih berkenaan turut menarik minat lebih 200 penduduk kampung di Kota Kuala Muda, Sungai Petani untuk menghampiri kawasan pantai bagi melihat fenomena pelik yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Malah, kawasan tengah laut menjadi pemandangan indah sebaik kehadiran garisan putih itu, selain turut menarik perhatian puluhan tetamu yang ketika itu menghadiri majlis kenduri kahwin di sebuah rumah di Kam-



**ANTARA rumah yang roboh akibat tsunami.**



**MEMORIAL memperingati tragedi tsunami di Kampung Kepala Jalan, Kota Kuala Muda.**



**JETI pendaratan ikan baru dibina selepas yang lama musnah akibat tsunami.**

dengar orang ramai menjerit 'ombak datang lagi'.

"Ketika itu saya ternampak anak, Hafiz Fitri, 6, (ketika kejadian) berada di tepi tingkap sambil ketawa kerana melihat ramai orang memanjat pokok.

"Namun belum sempat berbuat apa, tiba-tiba saya terdengar deruan kuat datang ke arah rumah. Dalam sekelip mata dinding rumah runtuh dan saya turut dihanyutkan ombak tanpa sempat berbuat apa-apa sebelum tersangkut di dalam hutan nipah bersama timbunan kayu.

"Ketika itu, saya melihat rumah ranap dan tidak tahu nasib isteri dan empat anak kerana kejadian berlaku begitu pantas," katanya.

Menurutnya, dia juga nyaris dirempuh kereta yang dihanyutkan arus kerana kenderaan itu tersangkut pada sebatang pokok kelapa sebelum berusaha keluar dari hutan nipah untuk mencari keluarganya selepas keadaan reda.

"Ketika keluar dari situ, saya tiba-tiba terpijak objek lembut dalam air selat separas pinggang. Sebaik menariknya, saya terkejut mendapati dua remaja beru-

timbunan kayu beberapa jam selepas itu.

"Fatehah kemudian dibawa ke Klinik Kesihatan Kota Kuala Muda sebelum dipindahkan ke Hospital Sungai Petani (HSP) serta dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Doktor berusaha menyelamatkan Fatehah dengan menyedut dan membuang air selut, namun Allah SWT lebih menyayangnya kerana arwah meninggal dunia selepas seminggu dirawat di HSP. Walaupun sedih, kami berdua menerimanya sebagai takdir," katanya.

Menurutnya, walaupun tragedi ombak besar sudah lapan tahun berlaku, ia tetap mimpi ngeri buat mereka sekeluarga kerana kehilangan dua anak iaitu Fatehah dan Fasehah.

Selain itu tiga ibu saudaranya iaitu Tempawan Khamis, 74; Normah Ahmad, 60; dan Rodziah Abdullah, 55, turut menemui ajal.

"Selepas lapan tahun tragedi berlalu, saya dan isteri masih terimbau tragedi menyayatkan hati itu walaupun cuba melupakannya.

"Kami pasrah dan reda dengan apa yang berlaku

**Info**



- Berlaku antara jam 1 hingga 1.30 tengah hari pada 26 Disember 2004.
- Meragut 11 nyawa dan memusnahkan 100 rumah selain merosakkan ratusan kenderaan, termasuk bot nelayan.
- Lebih 10 kampung terbabit, termasuk Kampung Kuala Tepi Sungai, Kampung Keda, Kampung Kepala Jalan, Kampung Masjid, Kampung Padang Salim, Kampung Hujung Matang, Kampung Paya, Kampung Sungai Meriam, Kampung Sungai Yu dan Kampung Pulau Sayak membabitkan lebih 3,000 mangsa.
- Keadaan itu turut menyebabkan empat kampung iaitu Kampung Padang Salim, Kampung Masjid, Kampung Kepala Jalan dan Kampung Kuala Tepi Sungai umpama padang jarak padang terkukur apabila lebih 100 rumah penduduk ranap sama

## Pulang Kepala Jalan.

Garis putih memang-jang itu disifatkan sangat mempesonakan mereka yang melihatnya tanpa menyedari bahaya yang menuju ke arah pantai sebelum muncul ombak setinggi hampir dua meter menghampiri dan merempuh pantai.

Teriakan 'lari cepat' menyedarkan orang ramai yang terpaku di tepi pantai lalu bertemparan lari ke arah rumah dan ke tempat tinggi untuk menyelamatkan diri.

Ombak pertama merempuh ratusan rumah yang terletak berhampiran pantai sekitar Kampung Kuala Sungai Muda, sebelum ombak kedua setinggi hampir lima meter menyusul 10 minit kemudian.

Rempuhan itu menyebabkan kebanyakan rumah penduduk ranap sama sekali, selain menghanyut dan memusnahkan puluhan bot nelayan, kereta, lori dan motosikal serta menumbang ratusan pokok kelapa.

Ombak besar atau tsunami yang berlaku selama 30 minit itu turut meragut 11 nyawa, termasuk seorang bayi berusia

11 bulan, malah penduduk membabitkan 10 kampung sekitar Kampung Sungai Muda sehingga Kampung Pulau Sayak menjadi panik serta hilang arah.

Mangsa, Md Hafizi Ismail, 46, berkata, sebelum tragedi berlaku, dia berada di rumah bapa saudaranya, Awang Ismail yang mengadakan kenduri perkahwinan sebelum dimaklumkan penduduk mengenai kemunculan garisan putih di tengah laut.

Menurutnya, akibat tertarik dengan berita itu, dia bersama isterinya, Rosilah Saad, 47, pergi ke tepi pantai untuk melihat secara lebih dekat fenomena yang tidak pernah berlaku itu.

Katanya, lama juga dia melihat garisan putih di tengah laut yang menarik dan mempesonakan, malah semua orang terpegun, tetapi garisan itu berubah-ubah serta putus sebelum bersambung kembali.

"Namun saya terkejut apabila mendapati air laut secara tiba-tiba kering seolah-olah disedut sesuatu. Ketika itu kawasan laut menjadi daratan sejauh 200 meter lalu saya menyuruh isteri pulang ke rumah. Tidak lama selepas itu garisan

putih mula menghampiri pantai, tetapi tidak melihat perkara pelik.

"Akhirnya, kami dikejutkan dengan kehadiran ombak besar sebelum mendengar jeritan 'lari' daripada orang ramai, tetapi ombak setinggi hampir dua meter itu terlalu dekat dan saya tidak sempat lari.

"Saya hanya sempat berpaut pada sebatang pokok sebelum ombak merempuh belakang badan, tetapi masih mampu bertahan dan bersyukur tidak dihanyutkan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Keda, Kuala Tepi Sungai, Kota Kuala Muda.

Menurutnya, ombak itu laju dan kuat dan dia melihat ramai orang dihanyutkan, malah peralatan kenduri seperti kawah, makanan serta khemah hilang sekelip mata.

Katanya, deruan ombak juga kuat seperti enjin kapal terbang dan dia berlari pulang untuk mendapatkan isterinya yang ketika itu berada di rumah bersama empat anak mereka sebaik ombak pertama reda.

"Bagaimanapun, sangkanya meleset apabila ombak kedua muncul beberapa minit kemudian dan men-

usia 15 dan 16 tahun yang masih bernyawa berada dalam lumpur lalu mengangkat mereka sebelum diletakkan di atas bumbung kereta.

"Pada masa sama, saya menemui beberapa orang terbaring di dalam air selut lalu menarik mereka keluar, tetapi saya terkejut apabila mendapati isteri dan empat anak 'hilang' sebaik tiba di rumah yang ranap," katanya.

Menurutnya, pencariannya berakhir apabila menemui isterinya terselamat, manakala Hafiz Fitri dan Firdaus, 7, (ketika kejadian) berada di bawah timbunan kayu dalam keadaan cedera sebelum Nur Hafizatul Fatehah, 5, (ketika kejadian) turut ditemui berhampiran dua abangnya dalam keadaan tenat kerana terelan air selut.

Katanya, hatinya menjadi tidak keruan apabila seorang seoranganaknya, Nur Hafizatul Fasehah, 11 bulan, tidak ditemui walaupun berusaha mencarinya sebelum anggota bomba menemuinya terimbus di bawah

kerana ia ketentuan ilahi, cuma rasa trauma dan gerun masih ada.

"Biarpun kehilangan dua anak, kesedihan kami terubat apabila dikurniakan sepasang anak iaitu Fitrah, 8, dan Fikri, 2, selepas tragedi itu.

"Malah, saya masih meneruskan kerjaya sebagai nelayan walaupun masih ada rasa gerun kerana perlu menyara keluarga," katanya.



## sekali.

● Mangsa yang meninggalkan dunia ialah Ropizah Abdul Rashid, 69; Tempawan Khamis, 74; Nurhafizatul Fasehah Md Hafzi, 11 bulan; Mohd Nasir Ibrahim, 54; Saayah Hitam, 70; Nursuzah Sabdin, 15; Munah Awang, 81; Normah Ahmad, 60; Osman Salleh, 40; Nur Hafizatul Fatehah Md Hafzi, 5, dan Rodziah Abdullah, 55.

● Berikutan kejadian itu, Kerajaan Pusat membina 120 rumah kediaman kekal di Taman Permatang Katong yang terletak satu kilometer dari tempat kejadian, selain sebuah memorial bagi memperingati tragedi tsunami turut dibangunkan di persimpangan Kampung Kepala Jalan.